

## PEKELILING PEJABAT PENDAFTAR

Tarikh: 18hb Februari 2021

Bil. 03/2021

No. Ruj: PICOMS/PP/02/2021/003Jld. 2

### PEMAKLUMAN

## PELAKSANAAN KEMASUKAN SEMULA PELAJAR KE KAMPUS SECARA BERPERINGKAT TAHUN 2021

### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkaitan kemasukan semula pelajar Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS (PICOMS) ke kampus secara berperingkat merujuk sidang media Kementerian Pengajian Tinggi pada 31hb Januari 2021, adalah bermula pada **1hb Mac 2021 (Isnin) secara berperingkat** terpakai bagi pelajar PICOMS. Segala perancangan dan pelaksanaan kemasukan semula pelajar ke kampus mematuhi SOP yang ditetapkan oleh PICOMS dan dibaca bersama surat pemakluman terkini dari pihak Jabatan Pengajian Tinggi (JPT).

### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Merujuk kepada Surat Pemakluman JPT bertarikh 15 Februari 2021 berkaitan Kemasukan Semula Pelajar Ke Kampus Secara Fizikal Bermula 1 Mac 2021 [No Ruj: JPT/GS 1000-519 Jld.7(31)] dan Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Pusat Pengasingan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).
- 2.2 Selaras dengan pemakluman tersebut, PICOMS telah mengenal pasti **3 kategori pelajar yang terlibat** untuk pulang ke kampus secara berfasa adalah seperti berikut;-
  - 2.2.1 Pelajar tahun akhir yang akan menjalani latihan klinikal/praktikal seperti yang ditetapkan oleh PICOMS.
  - 2.2.2 Pelajar tahun akhir yang memerlukan akses dan persekitaran kondusif bagi melaksanakan PdP secara Hybrid.
  - 2.2.3 Pelajar baharu diambil Dec 2020/Jan 2021




- 2.2.4 Pelajar yang menerima biasiswa dan bantuan laptop.
- 2.3 Untuk makluman, Unit Kemasukan dan Rekod (A&R) akan mengeluarkan surat rasmi kebenaran kepada semua pelajar yang terlibat untuk kembali ke kampus.
- 2.4 Pelajar yang bergerak dari zon PKP/PKPB adalah **DIWAJIBKAN** untuk menjalani saringan awal dan pengasingan selama **sepuluh (10) hari** bermula dari hari ketibaan pelajar di asrama.
- 2.5 Pelajar yang terlibat akan dimaklumkan untuk melapor diri ke asrama yang ditetapkan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dengan mengamalkan kawalan sendiri.
- 2.6 Asrama Berpusat telah dikenalpasti oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar bagi menempatkan pelajar-pelajar ini sebagai pusat pengasingan pelajar PICOMS.
- 2.7 Pihak PICOMS akan membuat saringan **kesihatan sebanyak dua (2) kali sehari** bagi memantau tahap kesihatan pelajar yang menjalani proses pengasingan seperti arahan KPT.
- 2.8 Semua pelajar yang pulang ke kampus adalah **bertanggungjawab** untuk mengikut semua peraturan SOP yang dilaksanakan oleh PICOMS seperti yang ditetapkan oleh JPT.
- 2.9 Sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) *Hybrid* (bersemuka dan segerak) akan berjalan mengikut Kalendar Akademik Universiti setelah 10 hari selesai tempoh pengasingan.
- 2.10 Mod pembelajaran yang bersesuaian adalah mengikut keperluan program masing-masing. Sesi PdP akan dijalankan secara atas talian dan bersemuka bergantung kepada saiz ruang dan kapasiti kumpulan pelajar dan akan dimaklumkan dari masa ke semasa oleh pihak fakulti.
- 2.11 Sebarang perubahan atau makluman terkini adalah tertakluk kepada arahan semasa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan PICOMS.

### **3.0 TINDAKAN**

- 3.1 Pekeliling Pendaftar Bil. 03/2021 ini berkuatkuasa serta merta pada tarikh pekeliling ini dikeluarkan.
- 3.2 Pekeliling ini adalah terpakai kepada pelajar yang terlibat dan semua staf Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS.
- 3.3 Pihak Fakulti/Jabatan/Unit yang terlibat adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan arahan seperti yang tertakluk dalam pekeliling ini.

Sekian, harap maklum. Terima kasih

### **"KE ARAH KECEMERLANGAN HOLISTIK DALAM PENDIDIKAN & PENJAGAAN PESAKIT"**



.....  
**NORITA BINTI HJ ARSHAD**

Pendaftar

Tarikh: 18hb Februari 2021

- s.k
- : Naib Canselor
  - : Timbalan Naib Canselor (Akademik)
  - : Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Pasca Siswazah)
  - : Dekan Fakulti Sains Kesihatan
  - : Dekan Fakulti Pengurusan
  - : Dekan Fakulti Kejururawatan
  - : Dekan Fakulti Farmasi
  - : Dekan Fakulti Sains Sosial dan Asasi

## **PANDUAN KEMASUKAN PELAJAR KOLEJ UNIVERSITI ANTARABANGSA PICOMS PADA MAC 2021**

### **1. KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS**

#### **1. Apakah kategori pelajar berkeperluan yang dibenarkan kembali ke kampus?**

**Kategori pelajar berkeperluan yang dibenarkan kembali ke kampus ialah:**

- i. Pelajar program pengajian peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pasca Siswazah yang memerlukan praktikal, makmal, klinikal, latihan amal, studio, bengkel dan peralatan khas\*;
- ii. Pelajar yang tidak mempunyai akses dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam talian;
- iii. Pelajar Asasi atau Setara dan Diploma yang sedia ada di kampus boleh meneruskan pembelajaran secara hibrid;
- iv. Pelajar Berkeperluan Khas (OKU); dan
- v. Pelajar yang menduduki peperiksaan Malaysia University English Test (MUET), antarabangsa dan badan profesional.

#### **2. Bilakah pelajar berkeperluan dibenarkan masuk ke kampus untuk aktiviti PdP pada kemasukan semester baharu 2021?**

Semua pelajar Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS dari kategori berkeperluan dibenarkan kembali ke kampus secara fizikal bermula Mac 2021. Kemasukan pelajar berkeperluan ke kampus akan dilaksanakan secara berfasa mengikut keutamaan yang ditentukan oleh pengurusan bagi mengikuti PdP secara hibrid.

#### **3. Siapakah yang bertanggungjawab untuk mengenal pasti pelajar berkeperluan?**

Fakulti adalah bertanggungjawab untuk mengenal pasti pelajar berkeperluan berdasarkan kategori pelajar yang telah diluluskan dan membenarkan mereka memasuki kampus secara berfasa.

**4. Bagaimana pihak IPT mengenal pasti pelajar berkeperluan yang tidak mempunyai akses internet dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan PdP dalam talian?**

Fakulti akan mengenal pasti pelajar berkeperluan yang tidak mempunyai akses internet dan persekitaran tidak kondusif berdasarkan permohonan yang dibuat oleh pelajar.

**5. Adakah pelajar berkeperluan yang tidak disenaraikan oleh IPT boleh memohon untuk kembali ke kampus bagi menjalankan PdP secara hibrid?**

Ya Boleh. Sekiranya pelajar berkeperluan yang tidak disenaraikan oleh IPT berhasrat untuk kembali ke kampus, pelajar boleh mengemukakan permohonan kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni beserta justifikasi bagi pertimbangan selanjutnya di peringkat fakulti. Walau bagaimanapun keputusan permohonan tertakluk kepada pertimbangan Bahagian Hal Ehwal Akademik.

**6. Apakah proses kemasukan pelajar berkeperluan ke kampus?**

Pelajar berkeperluan hendaklah merujuk kepada Panduan Kemasukan Pelajar Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS berkaitan tatacara dan prosedur kemasukan pelajar ke kampus.

**7. Adakah PICOMS akan mengeluarkan pemakluman tarikh kepada pelajar terlibat sebelum dibenarkan pulang ke kampus?**

YA. PICOMS akan mengeluarkan surat panggilan kepada pelajar yang berkeperluan untuk pulang ke kampus bagi memastikan pergerakan pelajar kembali ke kampus terancang dan lancar.

**8. Sekiranya pelajar dibenarkan mengikuti PdP di kampus, apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh pelajar untuk bergerak ke kampus?**

PICOMS akan membuat pemakluman dan mengeluarkan surat panggilan kemasukan kepada pelajar bersama surat pemakluman oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Pelajar kemudian hendaklah memohon kebenaran pergerakan dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi merentas daerah atau negeri untuk pulang ke kampus sekiranya pelajar atau IPT berkenaan berada di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Walau bagaimanapun, kemasukan pelajar dari kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) ke kampus adalah ditangguhkan.

**9. Adakah kos pergerakan pelajar kembali ke kampus akan ditanggung oleh pihak kerajaan atau PICOMS?**

TIDAK. Kos pergerakan pelajar kembali ke kampus adalah di bawah tanggungan sendiri.

**10. Bilakah pergerakan pelajar secara berfasa boleh dibuat?**

Pelajar berkeperluan dibenarkan memasuki kampus mulai 1 Mac 2021 secara berfasa bagi mengikuti pembelajaran secara hibrid.

**B. PELAJAR BERULANG-ALIK KE KAMPUS DARI TEMPAT KEDIAMAN**

**11. Adakah pelajar yang menetap di daerah yang sama dengan lokasi PICOMS, perlu menjalani pengasingan di Pusat Pengasingan?**

Tidak perlu. Pelajar yang menetap di daerah yang sama dengan lokasi PICOMS hanya perlu menjalani saringan kesihatan setiap kali masuk ke IPT. Contoh: Pelajar menetap di Lembah Klang, tidak perlu menjalani pengasingan di Pusat Pengasingan.

**12. Sekiranya pelajar telah selesai menjalani tempoh pengasingan selama 10 hari, adakah pelajar dibenarkan tinggal di rumah sewa di daerah yang sama dengan lokasi IPT tersebut?**

Boleh. Contoh: Pelajar berasal dari Ipoh dan bergerak ke PICOMS di Kuala Lumpur. Setelah selesai tempoh pengasingan selama 10 hari pelajar dibenarkan tinggal di rumah sewa di sekitar Lembah Klang.

## **C. PUSAT PENGASINGAN**

### **13. Apakah yang dimaksudkan dengan pusat pengasingan?**

Pusat Pengasingan merupakan fasiliti asrama yang disediakan PICOMS sebagai zon pengawasan bagi memantau tahap kesihatan/risiko pelajar dari kawasan PKP dan PKPB sebagai langkah mengawal penularan pandemik COVID-19.

### **14. Siapakah yang akan menanggung kos penginapan di pusat pengasingan?**

Kos penginapan di pusat pengasingan akan ditanggung oleh PICOMS.

### **15. Adakah makanan disediakan sepanjang penginapan di pusat pengasingan?**

TIDAK. Makan dan minum semasa menginap di pusat pengasingan adalah di atas tanggungan dan tanggungjawab pelajar.

### **16. Siapakah yang perlu menjalani pengasingan di pusat pengasingan?**

Pelajar dari zon PKP dan PKPB perlu hadir lebih awal bagi menjalani pengasingan selama 10 hari di pusat pengasingan yang disediakan oleh PICOMS. Pelajar yang menjalani Ujian Swab (RT-PCR) sebelum kembali ke kampus, boleh dipertimbangkan bagi pengecualian tempoh pengasingan tertakluk kepada kelulusan atau keputusan terkini KPT.

### **17. Adakah semasa pengasingan, pelajar boleh mengikuti PdP?**

YA. Pelajar dibenarkan mengikuti PdP secara dalam talian semasa proses pengasingan.

### **18. Adakah ahli keluarga/kenalan boleh melawat pelajar di pusat pengasingan?**

TIDAK. Pelajar tidak dibenarkan menerima pelawat semasa tempoh pengasingan.

### **19. Bagaimanakah tahap kesihatan pelajar dipantau di pusat pengasingan?**

Tahap kesihatan pelajar yang menjalani proses pengasingan akan dipantau melalui saringan kesihatan yang dilaksanakan sebanyak dua (2) kali sehari sepanjang tempoh pengasingan.

## **D. PERGERAKAN PELAJAR DARI/KE SABAH DAN SARAWAK**

### **20. Bagaimana pergerakan pelajar berkeperluan dari Sabah yang akan kembali ke PICOMS?**

Bagi pelajar berkeperluan dari Negeri Sabah ke PICOMS, diwajibkan menjalani Ujian Swab RT-PCR dalam tempoh tiga (3) hari sebelum penerbangan. Tahap kesihatan pelajar yang menjalani proses pengasingan akan dipantau melalui saringan kesihatan yang dilaksanakan sebanyak dua (2) kali sehari sepanjang tempoh pengasingan.

### **21. Bagaimanakah prosedur pergerakan pelajar berkeperluan dari Sarawak yang akan kembali ke PICOMS?**

Bagi pelajar berkeperluan dari Sarawak ke PICOMS tidak diwajibkan menjalani Ujian Swab. Pelajar akan ditempatkan di pusat pengasingan bagi memastikan mereka bebas daripada sebarang gejala COVID-19.

### **22. Adakah kos kuarantin dan ujian pengesanan COVID-19 yang diwajibkan oleh Kerajaan akan ditanggung oleh kerajaan bagi pergerakan pelajar ke Sabah, Sarawak dan Semenanjung?**

YA. Kos Ujian Swab bagi pelajar Sabah yang keluar dari Sabah akan dibiayai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

### **23. Apakah yang perlu di lakukan oleh pelajar yang diwajibkan menjalani Ujian Swab di fasiliti/ klinik kesihatan/ hospital kerajaan?**

Pelajar perlu membawa surat panggilan kemasukan IPT dan mengemukakannya kepada Pusat Kesihatan Daerah untuk mendapatkan temu janji bagi tujuan pelaksanaan Ujian Swab RT-PCR. Seterusnya, pelajar perlu menjalani Ujian Swab mengikut tarikh dan lokasi yang telah ditetapkan dalam temu janji yang dibuat oleh Pusat Kesihatan Daerah.



**24. Sekiranya pelajar berkemampuan dan bersetuju untuk menggunakan peruntukan sendiri bagi melaksanakan Ujian Swab di klinik/ hospital swasta, adakah keputusan ujian ini boleh digunakan?**

Ya. Keputusan Ujian Swab dari klinik/hospital swasta boleh diterima jika ia memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

#### **E. AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

**25. Adakah aktiviti PdP secara bersemuka dibenarkan bagi pelajar yang berada di kampus?**

Pembelajaran bagi semua program pengajian diteruskan secara hibrid. PICOMS akan memastikan SOP yang ketat dipatuhi.

#### **F. AKTIVITI PELAJAR**

**26. Adakah aktiviti pelajar termasuk kelab, persatuan dan ko-kurikulum dibenarkan?**

Semua aktiviti pelajar termasuk kelab, persatuan dan ko-kurikulum secara bersemuka dan berkumpul TIDAK DIBENARKAN oleh kerana PICOMS berada dalam kawasan PKP dan PKPB. Pelaksanaan program/aktiviti secara dalam talian atau platform digital yang bersesuaian adalah digalakkan.

#### **G. AKTIVITI PENYELIDIKAN**

**27. Adakah aktiviti penyelidikan dibenarkan?**

Semua aktiviti penyelidikan yang berkeperluan boleh dilaksanakan dengan memastikan SOP yang ketat dipatuhi.

## H. LANGKAH KESELAMATAN

### **28. Adakah pelajar yang berkeperluan perlu menjalani Ujian Swab sebelum kembali ke kampus?**

TIDAK. Pelajar dalam kategori ini tidak diwajibkan untuk menjalani Ujian Swab sebelum kembali ke kampus kecuali bagi Negeri Sabah dan Sarawak yang mewajibkan perkara tersebut. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah tertakluk kepada arahan semasa Kerajaan Negeri.

### **29. Bagaimana sekiranya pelajar yang tiba di kampus mempunyai bacaan suhu yang tinggi atau bergejala?**

Pelajar tersebut akan dirujuk ke klinik atau hospital berdekatan untuk menjalani saringan kesihatan yang lebih komprehensif atau menjalani Ujian Swab sekiranya diperlukan.

### **30. Adakah pelajar wajib menggunakan aplikasi MySejahtera di kampus?**

YA. Pelajar perlu menggunakan aplikasi MySejahtera semasa di kampus untuk tujuan contact tracing pihak KKM. Selain itu, pelajar perlu mematuhi keperluan penggunaan aplikasi selain MySejahtera yang diwajibkan oleh PICOMS.

## Rujukan

1. Surat Kemasukan Semula Pelajar Ke Kampus Secara Fizikal Bermula 1 Mac 2021. *JPT/GS1000-519 Jld.7 (31)*
2. Garis Panduan Pengurusan & Pengoperasian Pusat Pengasingan Institusi Pengajian Tinggi (IPT)
3. Soalan Lazim (FAQ) Kemasukan Pelajar IPT Ke Kampus Pada Mac 2021

**BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI  
KOLEJ UNIVERSITI ANTARABANGSA PICOMS  
17 FEBRUARI 2021**

# I. CARTA ALIR PROSES KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS

## i. PROSES PERGERAKAN PELAJAR

